

Pengurusan Sistem Pertanian Masyarakat Murut Sabah Melalui Pendekatan Adat

Agricultural System Management of the Murut community of Sabah through a custom approach

Abdul Khair Beddu Asis dan Asmiaty Amat*

*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
8400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*

²Corresponding author: asmity@ums.edu.my

Received: 29 May 2025; **Revised:** 24 Jun 2025; **Accepted:** 26 June 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Bedu Asis, A. H., & Amat, A. (2025). Pengurusan sistem pertanian masyarakat Murut Sabah melalui pendekatan adat. *PENDETA*, 16(1), 12-22. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.2.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.2.2025>

Abstrak

Masyarakat Murut di Sabah sangat dekat dengan alam sekitar. Aktiviti harian mereka lebih banyak berinteraksi dengan alam sekitar mengikut kaedah mereka sendiri. Kelangsungan hidup masyarakat Murut khususnya di kawasan luar bandar sangat bergantung kepada sumber alam sekitar. Aktiviti pertanian tradisional telah sebatik komuniti ini dan amalan pertanian menjadi sumber kelangsungan kehidupan mereka. Kearifan tempatan yang dimiliki oleh masyarakat Murut di Sabah khususnya dalam pertanian tidak merekodkan sebarang kemusnahan alam sekitar yang ketara berbanding dengan pertanian moden. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengangkat kearifan tempatan dan nilai adat yang dijunjung tinggi oleh masyarakat Murut dalam melakukan aktiviti pertanian di Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan Kroeber dan Kluckhohn (1952) dalam melihat hubungan kitaran budaya dalam pertanian masyarakat Murut. Pendekatan ini dijadikan kaedah dalam menjelaskan sistem pengurusan kitaran pertanian dan konsep tentang alam sekitar masyarakat Murut di Sabah. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui pemerhatian, perbincangan dalam kumpulan (FGD), dan kajian dokumen. Kajian ini mendapati bahawa masyarakat Murut Sabah mempunyai sistem tersendiri dalam menjalankan aktiviti pertanian yang menerapkan nilai seperti sistem kepercayaan, kebersamaan, kasih sayang, seni dan perayaan (kegembiraan). Terdapat 11 langkah yang dilakukan oleh masyarakat Murut dalam melakukan aktiviti pertanian yang bermula daripada mengenal pasti tapak tanah pertanian, penilaian fizikal dan spiritual, mengenal pasti sempadan kawasan, pembersihan, menebas, memotong pokok, pembakaran, penanaman, merumput, menuai dan merayakan pesta kesyukuran (kegembiraan). Kearifan tempatan yang dimiliki mempunyai pertanian yang sangat kuat dengan komponen alam sekitar. Sepanjang proses yang dilakukan, elemen alam sekitar sentiasa dititikberatkan agar keseimbangan alam sekitar tetap terjaga.

Kata kunci: kelestarian; kearifan tempatan; alam sekitar; Murut; adat

Abstract

The Murut community in Sabah has a very close knit to the natural environment around them. Their daily activities interact more with the natural environment through their own methods. The survival of the Murut community, especially in rural areas, is highly dependent on natural resources around them. Traditional agricultural activities have taken root in this community and agricultural practices have become a source of survival for them. The knowledge cultivated by the Murut community in Sabah, especially in agriculture, does not record any significant natural environment destruction compared to modern agriculture. Therefore, this study aims to raise the local knowledge and traditional values held in high esteem by the Murut community in doing agricultural activities in Sabah. This study uses the approach of Kroeber and Kluckhohn (1952) in looking at the relationship between cultural cycles of agriculture in the Murut community. This approach is used as a method in explaining the cycle of agricultural management system and the concept of the environment amongst the Murut community in Sabah. The method used for data collection are through observation, group discussion (FGD) and document reviews. This study found that the Murut community of Sabah has its own system in carrying out agricultural activities

that apply unique values such as a system of trust, togetherness, love, art and celebration (joy). There are 11 steps done by the Murut community in doing agricultural activities which starts from identifying the agricultural land site, physical and spiritual assessment, identifying the boundaries of the area, cleaning, clearing, cutting trees, burning, planting, weeding, harvesting and celebrating the thanksgiving festival (happiness). The local cultivated knowledge possessed has a very strong relationship with the environmental components. Throughout the process, the elements of the natural environment are always emphasized so that the balance is maintained.

Keywords: sustainability; local wisdom; the environment; Murut community; custom

PENDAHULUAN

Sabah merupakan sebahagian daripada pulau Borneo yang berada pada kedudukan di sebelah Utara Borneo. Masyarakat Murut merupakan salah satu etnik peribumi yang mendiami negeri Sabah dan penempatan mereka kebanyakan tertumpu di kawasan pedalaman Sabah seperti di Sapulut, Tambunan, Keningau, Sook, Tenom, Tongod dan Nabawan. Masyarakat Murut mempunyai pecahan sub-etnik sebanyak 13 suku iaitu Tahol/Tagol, Sumambu, Timugon, Paluan, Bookan/Baukan, Gana, Kolod/Kolod, Selungai/Salungai, Sembakung/Sambakung, Serudung/Sarudung, Nabai, Murut Kalabakan, Murut Keningau dan Murut Beaufort (JKKN, 2023). Walaupun mereka mempunyai pelbagai sub-etnik, namun mereka masih menggunakan satu bahasa yang sama iaitu bahasa Murut (Matsumoto, 1996).

Pola penempatan masyarakat Murut yang berkelompok telah menjadi faktor penyebab kepada eratnya hubungan dalam kalangan komuniti tersebut. Masyarakat Murut Sabah adalah satu-satunya etnik yang masih tinggal di rumah panjang dan mereka masih kuat mengamalkan adat dan budaya kebersamaan. Rumah panjang ditadbir oleh tuai rumah yang dilantik sebagai ketua dan pembuat keputusan dalam segala hal yang berkaitan dengan sistem kepercayaan, amalan budaya, ekonomi dan sistem politik (Barrick, Mount dan Strauss 1993; Che Mat 2008; Jayum 199). Masyarakat Murut hidup secara tetap dan tidak berpindah randah memandangkan mereka telah mempunyai sistem kawasan jajahan yang telah disepakati oleh ketua adat tentang kawasan pemilikan mutlak bagi komuniti tersebut. Masyarakat Murut sangat bergantung kepada hasil pertanian dalam membekalkan sumber makanan harian mereka. Amalan pertanian yang dijalankan oleh masyarakat Murut adalah jenis sara diri dan pertanian pindah (Abdul hadi Borham et al., 2016). Sebarang aktiviti yang dijalankan adalah dilakukan secara bersama termasuklah aktiviti pertanian.

Proses menjalankan pertanian tidak dimulakan oleh individu tetapi dilakukan secara bersama. Setiap tindakan yang dilakukan perlu mengikut sistem dan kaedah yang telah disepakati. Bermula dengan proses mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk dijadikan ladang, kemudian proses penentuan sempadan kawasan dikenal pasti. Hal ini penting agar pertanian tersebut tidak merentasi kawasan yang tidak sepatutnya seperti kawasan litupan tumbuhan kayu kayan dan habitat haiwan tertentu. Seterusnya proses pembersihan dilakukan dengan memotong rumput-rumput kecil terlebih dahulu kemudiannya memotong tumbuhan yang berkayu sederhana. Petani tidak akan memilih kawasan yang mempunyai litupan tumbuhan kayu kayan yang besar (Abdul Hakim Mohad dan Ros Aiza, M. M, 2017). Kawasan tersebut tidak menjadi pilihan memandangkan kadar penerimaan cahaya adalah kurang dan akan menyebabkan hasil pertanian adalah tidak maksimum. Seterusnya adalah proses pembakaran secara terkawal. Pembakaran kawasan pertanian adalah salah dari segi undang-undang perhutanan di Malaysia bahkan aktiviti ini adalah dilarang secara mandatori. Namun dengan kepakaran yang dimiliki oleh masyarakat Murut dalam proses pembakaran menyebabkan proses ini tidak menyebabkan kemusnahan kepada alam sekitar.

Seterusnya adalah proses penanaman, pembajaan dan proses tuaian (Saint J, S 1974: Awang Hasbol, 2011: British North Borneo Herald, 1885). Sepanjang aktiviti ini dijalankan, pelbagai nilai tradisi yang dipraktikkan dan menjadi pengikat ikatan antara komuniti Murut itu sendiri. Antara nilai yang ketara adalah nilai kebersamaan, kasih sayang, ketaatan, kerjasama, seni, sistem kepercayaan dan amalan tradisi. Kearifan masyarakat Murut dalam bidang pertanian telah berkembang secara perlahan-lahan bermula dengan pengembangan kearifan tradisi diteruskan dengan asimilasi dan perkembangan peradaban, perlindungan keselamatan, penjagaan nilai etika dan akhirnya memacu kepada perbahasan tentang hak dan pengiktirafan (Tyson, 2010).

Tujuan utama pertanian yang dijalankan oleh masyarakat Murut adalah untuk memenuhi keperluan makanan harian. Sumber makanan harian adalah daripada alam sekitar. Oleh itu, untuk mengekalkan sumber makanan harian mereka, elemen keperluan sumber semula jadi dan alam sekitar adalah menjadi keutamaan. Dua elemen ini (sumber makanan dan alam sekitar) menjadi tanggungjawab utama untuk dipelihara dan dilestarikan melalui kaedah interaksi antara komuniti dengan alam sekitar. Kaedah ini kemudian diangkat menjadi peraturan seterusnya membentuk undang-undang pemuliharaan alam sekitar yang dikenali sebagai undang-undang adat. Sebarang pelanggaran terhadap undang-undang adat khususnya melibatkan kemusnahan alam sekitar baik secara sengaja ataupun tidak sengaja akan dikenakan denda atau "*sogit*" (Lomon dan Sareb, 2015). Sebagai contoh, sekiranya terdapat individu melakukan pembakaran kawasan pertanian yang telah menyebabkan kemusnahan kepada elemen alam semula jadi atau habitat haiwan lain atau mengganggu dan memusnahkan kawasan pertanian orang lain akan dikenakan *sogit*. Hal ini juga berlaku untuk komponen alam sekitar yang lain seperti penangkapan ikan menggunakan bom yang menyebabkan kematian ikan turut akan dikenakan *sogit*. Praktik ini menggambarkan bahawa masyarakat Murut mempunyai jati diri dalam amalan harian yang merangkumi elemen ekonomi, politik, sosial dan alam sekitar.

Budaya mempunyai pengaruh yang sangat signifikan dalam perkembangan cara hidup sesebuah kaum. Amalan budaya menjadi penghubung antara undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan baik secara nilai atau pelaksanaan terhadap budaya tersebut (Achmadi et al., 2020). Sistem pertanian yang dijalankan oleh masyarakat Murut bukanlah satu bentuk pelestarian budaya semata-mata tetapi merupakan satu keperluan hidup dan kelangsungan generasi Murut. Oleh itu, aktiviti pertanian yang dijalankan perlu mengikuti sistem yang telah ditentukan agar kelestarian sumber makanan dan jaminan makanan kepada masyarakat ini terjaga. Melalui amalan adat dalam pertanian, semua komponen alam sekitar baik komponen biosfera, litosfera, hidrosfera dan atmosfera perlu dipelihara. Amalan pertanian masyarakat Murut benar-benar menjamin kelestarian alam sekitar melalui pemeliharaan ekosistem yang telah dipupuk dalam nilai kearifan tempatan agar dapat diteruskan dari generasi ke generasi seterusnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah pengumpulan data melalui perbincangan dalam kumpulan terpilih atau *Focus Group Discussion* (FGD). FGD dijalankan dengan melibatkan 10 orang pemuka utama dalam komuniti Murut seperti ketua kampung dan ketua adat. Semasa proses perbincangan dijalankan, catatan dilakukan khususnya yang berkaitan dengan amalan pertanian. Selain catatan yang dilakukan, rakaman suara juga dilakukan bagi memastikan tidak terdapat fakta atau data yang akan tercicir. Gambar-gambar juga diambil di lapangan sebagai bukti sistem pertanian yang diamalkan dan penguat hujah bagi data yang dikumpulkan. Tinjauan langsung ke tapak pertanian yang dijalankan untuk melihat komponen-komponen alam sekitar yang benar-benar diberikan tumpuan sebelum, semasa dan selepas pertanian dijalankan. Tinjauan dilakukan secara berkala dan berlangsung bermula daripada proses penentuan tapak, perancangan, pembersihan, penanaman, penuaian dan keraian. Data yang telah dicatatkan akan melalui proses analisis data koding. Data yang telah di kodkan akan diletakkan di dalam kategori-kategori yang telah ditentukan sebelum proses interpretasi dilakukan. Proses interpretasi dilakukan berdasarkan kaedah Kroebe dan Kluckhohn untuk melihat hubungan antara amalan adat dengan kitaran budaya (Miles dan Huberman, 1994). Seterusnya proses data akan dipersembahkan dalam bentuk rajah agar memudahkan gambaran umum terhadap proses kajian yang dijalankan.

Hasil Kajian

Berdasarkan konsep yang diperkenalkan oleh Kroeber dan Kluckhohn (1952), terdapat tujuh aspek yang terlibat dalam kebudayaan manusia iaitu bahasa, sistem pengetahuan, organisasi sosial, peralatan dan sistem teknologi, pendapatan dan sistem ekonomi, agama dan kepercayaan dan kesenian (Widyosiswoyo dan Vidiyanti, 2004). Secara umumnya, amalan pertanian yang dijalankan oleh masyarakat Murut mengandungi sistem bahasa, pengetahuan, organisasi, peralatan dan teknologi, sistem ekonomi, kepercayaan dan seni persembahan. Amalan pertanian yang dijalankan bukanlah

semata-mata untuk menjana sumber makanan tetapi lebih kepada amalan budaya untuk mengeratkan lagi ikatan komuniti tersebut melalui nilai amalan kepercayaan, meningkatkan pengetahuan, nilai kerjasama, tanggungjawab dan akhirnya meraikan kemenangan bersama.

Kajian ini mendapati amalan pertanian masyarakat Murut di Sabah merangkumi sepuluh tahap dan proses. Setiap langkah dan proses yang dirancang perlu meletakkan elemen alam sekitar dan sistem ekologi sebagai keutamaan. Hal ini penting agar ekosistem alam sekitar sentiasa terjaga sepanjang proses pertanian dijalankan. Dapatan kajian juga menemukan terdapat sedikit perbezaan kaedah pertanian komuniti Murut berdasarkan faktor lokasi, pengaruh budaya setempat dan kedudukan geografi. Hal ini sangat menarik untuk diketengahkan kerana ia merupakan satu bentuk perubahan sistem dan peningkatan budaya hidup masyarakat yang boleh dikongsi bersama dalam usaha memberikan kesempurnaan dalam kehidupan manusia.

Masyarakat Murut pada asalnya tidak merayakan pesta menuai secara bersama dengan masyarakat Murut yang lain. Sambutan pesta menuai dirayakan sebagai bentuk pengaruh amalan masyarakat Kadazan Dusun selepas aktiviti menuai dijalankan. Nilai tradisi dan ciri-ciri pesta Kaamatan yang disambut oleh masyarakat Kadazan Dusun tersebut mirip dengan pesta menuai yang sering diadakan oleh masyarakat Murut menyebabkan mereka boleh menerima dan merayakan pesta Kaamatan tersebut. Hal ini ditambah lagi dengan pengaruh masyarakat Kadazandusun yang mendominasi kumpulan etnik peribumi di Sabah, menyebabkan Pesta Kaamatan dirayakan oleh pelbagai etnik lain di Sabah. Pengaruh budaya setempat juga sangat memberikan perubahan kepada masyarakat Murut dalam kehidupan harian mereka. Masyarakat Murut yang tinggal di kawasan Pantai Barat Sabah yang sangat dekat dengan masyarakat Kadazandusun mempunyai loghat bahasa yang agak berbeza disebabkan pengaruh persekitaran. Masyarakat Murut yang tinggal di kawasan bukit dan lembah juga mempunyai perbezaan dari segi elemen tambahan dalam berpakaian dan sedikit perubahan dalam upacara ritual yang dilakukan.

Budaya sesuatu bangsa boleh dikategorikan kepada tujuh dimensi iaitu dimensi sistem pendapatan/ekonomi, dimensi kesenian, dimensi pengetahuan, dimensi peralatan dan kelengkapan hidup, dimensi kemasyarakatan, dimensi bahasa dan dimensi agama dan kepercayaan (Hoyrup S., 2010). Pendapatan dan sumber ekonomi masyarakat Murut sebagai ciri budaya yang wujud pada mereka menjadi keutamaan harian mereka memandangkan aktiviti ekonomi seperti pertanian menjadi sumber utama dalam kelangsungan hidup mereka. Kelangsungan hidup sesuatu masyarakat peribumi sangat bergantung kepada aktiviti pertanian sebagai penyambung kehidupan mereka (Purwanto, 2020).

Dimensi sosial dalam sistem pertanian masyarakat Murut perlulah dilihat dan diletakkan dalam kitaran nilai budaya dan tradisi yang mengandungi banyak ilmu dan kearifan yang bukan semata-mata hasil pertanian yang diperolehi. Proses pembelajaran sosial yang dipraktikkan dalam pertanian memberikan pendedahan kepada generasi seterusnya tentang ilmu pertanian yang dimiliki oleh suku kaum Murut tersebut. Pembelajaran sosial tidak diajarkan secara formal tetapi melalui penyertaan secara praktikal dan turut serta dalam aktiviti pertanian yang dijalankan. Matlamat yang dikongsi bersama dalam aktiviti ini aktiviti akan membuahkan hasil yang berbaloi dan tidak dapat dicapai melalui tindakan individu semata-mata (Sanders et al., 2020).

Nilai-nilai tradisi dan amalan adat yang dipegang teguh oleh komuniti Murut telah diterjemahkan dalam segala aktiviti dan Tindakan harian mereka. Hal ini termasuklah dalam aktiviti pertanian yang dijalankan. Hasil kajian ini mendapati terdapat sepuluh langkah yang dipraktikkan oleh komuniti Murut di Sabah dalam menjalankan pertanian seterusnya menjadi kaedah pengurusan pertanian tradisi. Sepuluh langkah tersebut merangkumi penentuan tapak pertanian, penentuan sempadan kawasan, pembersihan peralatan pertanian, proses menebas, proses menebang pokok, proses membakar, proses menanam, proses merumput, proses menuai dan pesta kesyukuran.

Penentuan Tapak Pertanian

Masyarakat Murut kebanyakannya hidup di kawasan pedalaman yang dilitupi hutan. Namun demikian, penentuan lokasi pertanian tidak dilakukan begitu sahaja tanpa proses tinjauan awal yang dilakukan. Pemilihan tapak dilakukan dengan mengambil kira ciri-ciri seperti kawasan yang selamat, terhindar daripada risiko bencana dan jenis tanah yang sesuai untuk menghasilkan tuaian yang lebih banyak. Oleh itu, proses ini perlu dilakukan dengan teliti. Proses mengenal pasti kawasan dijalankan dengan

menentukan kawasan yang telah disepakati oleh anggota masyarakat, kemudian penilaian secara fizikal akan dilakukan seperti jenis tanah, litupan tumbuhan, kecerunan dan jarak dari kawasan pertanian yang sebelumnya. Jenis tanah adalah daripada tanah likat yang komposisi mengandungi lebih banyak tanah berbanding batu. Kemudian litupan tumbuhan di kawasan tersebut haruslah jarang dan tidak terdapat pokok yang sangat besar. Ini memudahkan proses pembersihan dijalankan dan juga tidak mengganggu ekosistem haiwan yang lain. Kecerunan juga sangat mempengaruhi penentuan kawasan pertanian. Masyarakat Murut akan memilih kawasan cerun yang menghadap matahari. Menurut kepercayaan masyarakat Murut, tanah yang menghadap matahari di waktu pagi adalah lebih baik berbanding di waktu petang. Jarak dari kawasan pertanian sebelumnya adalah penting untuk memudahkan peralatan daripada kawasan pertanian yang lama dipindahkan. Penerokaan kawasan pertanian dijalankan secara bertahap bermula daripada pada kawasan luar hingga ke kawasan sempadan yang telah ditentukan.

Seterusnya, penilaian secara spiritual perlu dilakukan. Masyarakat Murut akan membuat ritual tanda permohonan untuk membuka kawasan pertanian yang baru. Bunyi-bunyian haiwan sangat diambil kira dalam menentukan sesuatu kawasan pertanian yang dipilih itu adalah sesuai. Sekiranya sepanjang mereka menjalankan penilaian, terdapat bunyi burung tertentu yang dikenali sebagai burung *Lalangkir* sedang berbunyi, ini menandakan bahawa kawasan tanah tersebut tidak sesuai dijadikan tapak yang baharu kerana diyakini bahawa kawasan tersebut berbahaya daripada makhluk halus yang lain. Begitu juga sekiranya kawasan tapak pertanian itu dikelilingi kawanan burung berterbangan di atasnya menandakan kawasan tersebut tidak sesuai. Selain itu, ketua akan mendapatkan isyarat dari petanda dalam mimpi untuk menguatkan lagi bahawa kawasan baharu tersebut adalah sesuai untuk pertanian ataupun tidak.

Penentuan Sempadan Kawasan

Sekiranya semua elemen telah dikenal pasti dan tidak terdapat sebarang petanda yang buruk baik dari segi penilaian fizikal ataupun penilaian spiritual, maka proses seterusnya akan dilakukan iaitu penentuan sempadan kawasan pertanian. Penentuan sempadan adalah penting untuk memastikan bahawa kawasan yang dipilih adalah bukan milik sesiapa atau kelompok komuniti Murut yang lain. Masyarakat Murut sangat mementingkan toleransi antara kaum dalam kelompok mereka. Mereka akan memastikan bahawa hak masyarakat yang lain tidak boleh dicero bohi dan tidak boleh dirampas. Alasan masyarakat Murut menentukan kawasan yang tidak jauh dari tapak pertanian sebelumnya adalah untuk memastikan bahawa kawasan baharu tersebut adalah bukan milik komuniti yang lain. Setelah semuanya dikenal pasti, proses penanda sempadan dilakukan dengan meletakkan pancang atau batu tanda. Proses ini dijalankan beramai-ramai dan turut melibatkan kelompok yang lain yang berhampiran dengan kawasan pertanian baharu agar masing-masing telah mengesahkan sempadan pertanian masing-masing. Aktiviti ini dijalankan secara bergotong-royong dan pihak perempuan akan menyediakan makanan dan minuman untuk dinikmati bersama sebelum, semasa dan selepas aktiviti dijalankan.

Membersihkan Peralatan Pertanian

Setelah penentuan sempadan dilakukan dan tidak terdapat sebarang pertindihan atau hak milik komuniti lain terhadap tanah yang telah ditentukan dan juga telah mendapat petunjuk tentang kesesuaian tanah tersebut baik dari segi penilaian fizikal ataupun penilaian spiritual, maka proses persiapan peralatan dilakukan. Peralatan yang telah disimpan di tempat penyimpanan akan dikeluarkan untuk proses pembersihan. Proses ini melibatkan aktiviti mencuci, menajam dan memperbaiki alatan yang sedia ada seperti cangkul, parang, kapak, tombak dan peralatan kecil yang lain. Setelah proses pembersihan, aktiviti ritual dilakukan untuk memohon keselamatan terhadap alat-alat yang akan digunakan. Ritual sangat penting diadakan untuk mengelakkan sebarang bencana, kerosakan pada alatan yang digunakan semasa aktiviti pertanian dilakukan.

Proses Menebas

Setelah proses ritual dijalankan dan semua alatan telah dibersihkan dan dibaiki bagi yang rosak, maka proses pembersihan kawasan dimulakan dengan menebas rumput, pokok-pokok kecil dan pokok keras.

Proses menebas dijalankan secara berperingkat dan penuh hati-hati agar haiwan berbisa seperti ular dapat beredar secara selamat. Proses menebas akan memperjelaskan lagi kawasan sempadan yang menjadi tapak pertanian. Sepanjang proses ini dilakukan, wanita akan bersama-sama menyediakan juadah makanan dan minuman secara beramai-ramai.

Menebang Pokok

Pokok yang berkulit keras akan dipotong menggunakan peralatan lain seperti kapak atau parang tebal. Kaedah memotong pokok bagi masyarakat Murut dimulakan dari kawasan yang berkecerunan rendah kemudian menghala ke kecerunan tinggi. Hal ini dilakukan untuk mengelakkan jatuhnya pokok akan menghempap pokok-pokok yang lain yang kemudiannya boleh menyebabkan batang pokok pecah dan tidak boleh digunakan. Kedudukan ranting yang banyak juga menjadi petunjuk semasa penebangan pokok. Ranting yang rimbun akan menentukan arah jatuhnya pokok tersebut. Hal ini penting untuk keselamatan orang-orang yang berada di kawasan tersebut.

Proses Membakar

Setelah rumput, pokok kecil dan pokok besar dibersihkan, kawasan tersebut akan dibiarkan dua hingga tiga hari untuk membiarkan rumput, pokok kecil, ranting dan dahan mengering untuk memudahkan proses pembakaran dilakukan. Proses ini turut dilakukan dengan berhati-hati untuk mengelakkan api daripada merebak masuk kawasan pertanian orang lain. Pembakaran akan dilakukan pada waktu petang untuk mengelakkan api terlalu marak dan mudah dikawal. Proses pembakaran sering menjadi isu bagi jabatan kerajaan khususnya Jabatan Perhutanan. Aktiviti pembakaran ini telah diharamkan memandangkan risiko kebakaran hutan adalah tinggi. Namun, sepanjang pertanian dijalankan oleh masyarakat Murut, belum pernah terjadi insiden kebakaran hutan yang serius akibat daripada pertanian pindah masyarakat Murut. Hal ini turut dijelaskan oleh Lubis (1980) yang menjelaskan tentang praktik pertanian oleh masyarakat Orang Asli di Kalimantan sejak 10 000 tahun lalu sebelum Masihi yang tidak pernah mendatangkan sebarang masalah. Menurut masyarakat Murut, aktiviti pembakaran ini sangat penting dalam pertanian kerana aktiviti pembakaran akan membunuh semua haiwan-haiwan berbisa yang berada di kawasan tersebut yang mengancam keselamatan. Selain itu juga, masyarakat Murut percaya bahawa pembakaran akan menyebabkan tanah semakin subur.

Proses Menanam

Proses penanaman dimulakan dengan ritual memohon keberkatan dengan meletakkan biji benih ke dalam bekas yang berisi air. Biji benih dibiarkan basah seketika sebelum diangkat dan diletakkan di dalam bekas kering. Proses penanaman dimulakan dengan menggunakan kayu bulat yang telah ditajamkan untuk digunakan sebagai alat untuk membentuk lubang penanaman biji benih. Kebiasaannya, kaum lelaki akan melakukan proses melubang tanah dalam jarak sejengkal diikuti kaum wanita akan memasukkan biji benih ke dalam lubang yang telah disediakan dan menimbusnya menggunakan kaki. Jarak antara satu tanaman dengan tanaman yang lain perlulah tepat bagi memudahkan proses pertumbuhan tanaman yang lebih baik. Sepanjang proses ini, golongan wanita yang ditugaskan di dapur akan menyediakan makanan sewaktu rehat. Makanan yang disediakan adalah lebih banyak dan lebih berat seperti ayam dan daging haiwan liar. Hal ini penting untuk membekalkan tenaga kepada pekerja yang sedang melakukan proses penanaman. Proses ini dijalankan sepanjang hari sehingga selesai.

Proses Merumput

Setelah tanaman tumbuh sejengkal, proses merumput akan segera dilakukan untuk mengelakkan rumput akan menghalang pertumbuhan tanaman. Tanaman utama yang ditanam adalah padi bukit yang meliputi 60 peratus daripada jenis tanaman yang ditanam diikuti oleh tanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman lain yang tumbuh secara sengaja dan tidak sengaja seperti cendawan. Proses merumput dijalankan secara manual oleh ahli masyarakat yang terlibat. Semasa proses merumput

dijalankan, sayur-sayuran liar yang tumbuh di kawasan tersebut seperti cendawan liar, bayam, labu dan jagung yang tumbuh berselerak dituai untuk dibawa pulang sebagai bekalan makanan. Jagung sering ditanam di sempadan kawasan pertanian sebagai tanda bahawa kawasan tersebut adalah milik mereka. Jagung pulut menjadi pilihan tanaman kerana ia mudah untuk tumbuh dan cepat untuk dituai.

Proses Menuai

Setelah empat bulan selepas proses merumput, aktiviti menuai mula dilakukan. Padi akan tumbuh subur selepas proses merumput. Setelah empat bulan berlangsung, padi akan mula menguning dan sedia untuk dituai. Waktu ini adalah masa yang dinanti-nantikan oleh kaum Murut kerana hasil tuaian akan menentukan sejauh mana mereka boleh menikmati banyaknya makanan serta menjadi kayu pengukur kejayaan pertanian mereka. Proses menuai dilakukan dengan persiapan yang sangat rapi dan turut dimulakan dengan upacara ritual memohon keberkatan dengan menyembelih haiwan ternakan baik ayam ataupun babi. Peralatan menuai seperti sabit, cangkul, tombak dan peralatan yang lain dibersihkan dan dibaiki bagi yang telah rosak.

Proses menuai dilakukan secara manual dengan menggunakan sabit untuk memotong tangkai padi. Selain sabit, mereka juga menggunakan pisau untuk memotong tangkai padi. Padi yang telah dipotong akan diikat dalam bentuk rumpun untuk memudahkan proses pengasingan biji padi dengan tangkai dilakukan. Setelah mengikat rumpun padi tersebut, padi akan diletakkan di satu tempat secara berkelompok. Proses mengasingkan padi dengan tangkai akan dilakukan setelah kesemua padi telah dituai. Proses pengasingan ini turut dilakukan secara manual dengan menggunakan alatan yang dibuat sendiri dengan menggunakan papan dan paku-paku yang telah diletakkan di atasnya. Cara mengasingkan tangkai padi dengan biji benih adalah dengan menyapu rumpun padi di permukaan kasar papan yang terdiri daripada beberapa biji paku untuk memerangkap biji padi. Padi akan terlepas daripada tangkai apabila disapu di permukaan papan tersebut. Biji padi kemudian akan dimasukkan ke dalam karung atau bakul rotan untuk dibawa pulang ke rumah. Tangkai padi kemudian akan dibiarkan sahaja di ladang tersebut untuk mereput membentuk baja.

Pesta Kesyukuran


Kemuncak daripada kitaran pertanian masyarakat Murut adalah dengan meraikan kemenangan mereka setelah berjuang dalam pertanian. Pesta kesyukuran akan dilakukan sebagai tanda berterima kasih kepada pemberi rezeki dan acara makan beramai-ramai diadakan. Pesta menuai bagi masyarakat Murut diadakan sebaik sahaja proses menuai selesai. Pesta menuai bagi masyarakat Murut dikenali sebagai “*mansisia*” atau “*Orou Napangaan Nanantab*”. Namun, berlaku perubahan akibat pengaruh Kadazandusun yang merayakan pesta Kaamatan pada setiap bulan Mei menyebabkan masyarakat Murut turut merayakan pada waktu yang sama. Kaedah dan motif pesta menuai masyarakat Murut adalah sama dengan Pesta Kaamatan. Oleh hal yang demikian, masyarakat Murut tidak mempunyai sebarang masalah untuk berkongsi perayaan bersama. Hal ini dikuatkan lagi dengan pertubuhan persatuan Kadazan-Dusun-Murut (KDM).

Sebagai bentuk ekspresi kesyukuran kepada Tuhan, masyarakat Murut akan memasak makanan istimewa dalam perayaan ini seperti ayam, lembu atau babi serta pelbagai jenis sayur-sayuran. Mereka juga akan menyiapkan minuman (tuak) yang diletakkan di dalam tempayan yang telah diperam beberapa bulan untuk menghasilkan tuak yang benar-benar bermutu. Tuak akan diminum oleh setiap anggota masyarakat sebagai bentuk upacara ritual kesyukuran. Apabila masing-masing telah mabuk atau setengah mabuk, maka upacara menari akan dimulakan. Masing-masing saling bergembira dalam pesta tersebut. Kesemua upacara pesta kesyukuran itu dilakukan di rumah panjang. Kebiasaannya pesta akan berlangsung sehingga waktu pagi. Kawasan pertanian yang telah digunakan tidak dibiarkan begitu sahaja. Masyarakat Murut tetap akan menjaga kawasan tersebut dan kebiasaannya tanaman sayur-sayuran jangka pendek akan ditanam di kawasan tersebut seperti labu, halia, lengkuas dan tanaman buah-buahan jangka pendek seperti tembikai. Kebiasaannya, kawasan ini menjadi semakin subur disebabkan sekam padi yang dibiarkan mereput membekalkan sumber nutrien yang baik untuk pertumbuhan tumbuhan lain.

PERBINCANGAN

Kearifan tempatan yang dimiliki oleh masyarakat Murut dalam pertanian sangat mementingkan elemen alam sekitar agar keseimbangan antara ekosistem, ekonomi dan budaya sangat bergantung antara satu sama lain. Berdasarkan model Koeber dan Kluchohn, aktiviti pertanian dalam kalangan masyarakat Orang Asli terdiri daripada sepuluh iaitu penentuan tapak, penentuan sempadan, pembersihan peralatan, menebas, menebang pokok, proses membakar, menanam, merumput, menuai dan pesta. Namun, dapatan ini memperlihatkan terdapat 11 peringkat yang dilalui semasa menjalankan aktiviti pertanian dengan 6 elemen nilai yang dipupuk dalam pelaksanaan aktiviti ini. Rajah di bawah merupakan model Tudung Tadang yang dihasilkan dalam kajian ini yang menggambarkan kaedah pertanian masyarakat Murut yang terdiri daripada 11 peringkat yang bermula daripada penentuan tapak, penilaian fizikal dan spiritual, penentuan sempadan, pembersihan peralatan, menebas, menebang pokok, membakar, menanam, merumput, menuai dan meraikan pesta. Keunikan yang ada pada proses pertanian masyarakat Murut yang tidak terdapat pada masyarakat lain ada peringkat penilaian fizikal dan spiritual.

Rajah 1 Model Tadang (peringkat pertanian masyarakat Murut)



Model Tadang diilhamkan daripada alat pertanian yang dikenali sebagai Tadang yang menjadi kegunaan utama masyarakat Murut. Tadang merupakan bakul yang diperbuat daripada bahan tumbuhan seperti rotan, buluh, bemban, mengkuang dan beberapa jenis urat kayu tumbuhan lain. Pembinaan Tadang mempunyai bentuk-bentuk tertentu sangat sarat dengan falsafah yang sangat tinggi dijunjung oleh masyarakat Murut yang sangat rapat dengan konsep kesederhanaan. Falsafah penghasilan Tadang memerlukan paduan unsur alam yang bersumberkan matahari, hujan, lumpur, serangga dan hidupan lain yang sangat bergantung kepada ekosistem hutan. Menghasilkan Tadang memerlukan proses perjalanan yang mempunyai nilai estetika yang menarik yang bermula daripada tumbuhan (rotan, kulit kayu dan buluh) yang diambil dan dibawa pulang ke rumah untuk diraut, dikupas kemudian dibentuk Tadang yang digunakan untuk menyimpan beras, alat mengangkat barang pikul, alat memerangkap ikan, raga menyimpan buah-buahan, ubat-ubatan dan membawa bayi. Imej raga yang sangat sinonim dengan kampung memberikan isyarat kesederhanaan yang ada pada Tadang yang dihasilkan. Jalur-jalur Tadang yang dibentuk secara teratur satu demi satu dijadikan sebagai simbol permulaan dan pengakhiran sesuatu pekerjaan yang dilakukan termasuklah pertanian. Setiap jalur yang dihasilkan memerlukan usaha yang berlainan agar paduan usaha-usaha tersebut akan membentuk Tadang yang sempurna dan tahan lasak semasa digunakan.

Model Tadang merupakan falsafah pertanian masyarakat Murut yang melibatkan dua elemen utama iaitu fizikal dan spiritual. Elemen fizikal melibatkan sebelas proses, manakala elemen spiritual melibatkan enam nilai yang lahir daripada elemen fizikal itu sendiri. Elemen fizikal melibatkan 11 proses yang perlu dilalui oleh setiap komuniti Murut yang melakukan aktiviti pertanian. 11 elemen yang

terdapat pada model ini adalah disusun mengikut aturan dan saling berhubung antara satu sama lain. Peringkat-peringkat yang tersusun rapi ini tidak boleh dilangkau atau ditinggalkan. Perkara ini perlu dilakukan secara berturutan. Nilai-nilai spiritual yang wujud daripada model ini adalah hasil daripada tindakan fizikal yang berlaku. Proses penentuan tapak dan penilaian telah menghasilkan sistem kepercayaan (*belief system*), manakala penentuan sempadan dan pembersihan alatan pertanian telah menghasilkan nilai tanggungjawab individu (*individual responsibility*). Proses menebas dan memotong pokok telah menghasilkan nilai kebersamaan (*togetherness*). Proses pembakaran pula telah menterjemahkan nilai toleransi (*tolerance*). Seterusnya, proses penanaman dan merumput telah melahirkan nilai kesederhanaan (*simplicity*) dan terakhir, aktiviti tuaian dan pesta kesyukuran telah melahirkan nilai kesenian (*arts*).

Sistem kepercayaan menjadi asas kepada semua tingkah laku masyarakat Murut. Kebergantungan terhadap kuasa pencipta adalah menjadi keutamaan. Masyarakat Murut percaya bahawa semua tempat ada kuasa yang boleh mempengaruhi kehidupan manusia. Perlanggaran terhadap sesuatu aturan kuasa ghaib akan menyebabkan kecelakaan. Oleh itu, ketua adat telah merangka peraturan-peraturan atau etika semasa berinteraksi dengan alam sekitar. Larangan mengucapkan kata-kata yang tidak baik adalah larangan yang sangat dititikberatkan. Masyarakat Murut juga percaya bahawa sesuatu tempat itu tidak boleh dicerobohi sesuka hati. Mereka juga telah bersepakat untuk tidak menceroboh kawasan-kawasan tertentu yang dikatakan mempunyai kuasa ghaib yang boleh memudaratkan manusia.

Sebarang perlanggaran terhadap peraturan dan kesepakatan yang telah dipersetujui akan dikenakan denda atau "*sogit*". *Sogit* adalah satu bentuk penebusan bagi individu yang telah melanggar peraturan agar mereka kembali suci. Antara jenis *sogit* yang dipersetujui adalah seperti ayam, babi dan haiwan ternakan yang lain. Haiwan yang dijadikan *sogit* itu kemudian akan disembelih dan dipersembahkan kepada kuasa yang dipercayai seterusnya sebahagian akan dihidangkan kepada masyarakat Murut untuk dinikmati bersama. Penilaian fizikal dan spiritual ini menjadi keunikan dan kearifan bagi masyarakat Murut. Penilaian fizikal sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat yang lain dengan melihat ciri fizikal seperti kecerunan, jenis tanah, litupan tumbuhan dan jarak kawasan pertanian terpilih dengan kawasan penempatan masyarakat Murut. Manakala penilaian spiritual adalah sangat bersifat subjektif, namun diambil kira dalam menentukan lokasi tapak pertanian tersebut.

Hubungan antara masyarakat Murut dengan pencipta adalah sangat tinggi sehingga mereka meletakkan ilham daripada pencipta itu sebagai petunjuk penentuan keputusan. Ilham yang diharapkan diperolehi daripada mimpi setelah upacara ritual yang dilakukan. Hubungan masyarakat Murut dengan unsur alam juga sangat rapat dengan meletakkan petanda alam sebagai penilaian penentuan tapak pertanian yang sesuai. Bunyi-bunyian burung yang menjadi petanda samada tapak tersebut sesuai atau tidak dijadikan indikator penting. Selain itu, kawanan burung juga menjadi petanda kesesuaian tapak pertanian tersebut. Kawanan burung berterbangan di atas tapak tersebut menentukan bahawa tapak tersebut tidak sesuai untuk dijadikan kawasan pertanian.

Nilai tanggungjawab diterapkan dalam aktiviti pertanian masyarakat Murut. tanggungjawab diberatkan kepada individu dan tanggungjawab bersama diperluaskan khususnya dalam penentuan sempadan dan pembersihan peralatan. Penentuan sempadan akan dilakukan secara beramai-ramai. Setiap individu yang terlibat akan diberikan tanggungjawab dan tugas masing-masing. Setiap individu bertanggungjawab untuk memastikan tapak yang dipilih benar-benar tepat. Peringkat pembersihan alatan juga memerlukan tanggungjawab individu yang telah diamanahkan untuk memeriksa alatan yang telah lama disimpan. Peralatan yang didapati telah rosak akan segera dibaiki. Tanggungjawab ini penting untuk memastikan alatan yang digunakan nanti tidak berbahaya dan mencederakan penggunaannya.

Proses pembakaran yang dilakukan oleh masyarakat Murut menunjukkan bahawa toleransi yang wujud dalam kalangan mereka adalah sangat tinggi. Proses pembakaran yang dilakukan penuh hati-hati untuk mengelakkan berlakunya sebarang rebakan api antara tapak baharu dengan tapak milik orang lain. Sekiranya berlaku kebakaran pada kawasan pertanian komuniti lain, proses perbincangan dan ganti rugi akan diberikan kepada komuniti yang terjejas. Nilai sosial dan semangat integriti yang tinggi ini mencerminkan asas kepada pembentukan budaya yang kukuh (Islam et al., 2020). Selain nilai budaya yang dicerminkan, proses pembakaran turut memberikan nilai kesuburan pada tapak pertanian yang telah dibakar. Proses ini juga telah dibuktikan secara saintifik bahawa arang yang terbentuk daripada hasil pembakaran sangat berguna dalam menyuburkan tanah seperti mana yang berlaku pada

masyarakat peribumi di Indonesia yang sangat suka bertani di kawasan bekas lava gunung berapi, kerana tanah di kawasan tersebut adalah subur (Welch dan Coimbra, 2019).

Nilai kesederhanaan yang dipupuk jelas kelihatan melalui aktiviti pertanian yang dijalankan. Pertanian yang dijalankan benar-benar sekadar keperluan yang diinginkan. Keluasan ladang yang diperlukan cukup untuk menampung hasil tuaian sekali sahaja. Kawasan pertanian yang telah digunakan akan dibiarkan dan ditinggalkan agar kawasan tersebut akan kembali pulih dan subur. Nilai kesederhanaan ini diterjemahkan dalam aktiviti pertanian secara keseluruhan. Masyarakat menanam padi untuk keperluan karbohidrat harian mereka sahaja tanpa memikirkan untuk tujuan perniagaan. Tumbuhan jenis sayuran dan buah-buahan juga adalah jenis tanaman jangka pendek iaitu tempoh tuaian hanya memakan masa selama dua hingga tiga bulan sahaja. Sekiranya nilai kesederhanaan ini tidak menjadi sandaran, tentu sekali penerokaan hutan akan berleluasa dengan kadar keluasan yang tidak terbatas. Namun hal ini tidak berlaku dalam komuniti Murut, malah mereka lebih memilih untuk berdamai dengan alam. Begitu juga dengan aktiviti merumput. Nilai falsafah merumput itu diandaikan sebagai proses merendahkan diri ke bumi. Proses itu perlu dilakukan agar masyarakat tahu akan erti kesederhanaan.

Nilai kesenian yang dipupuk dalam jati diri masyarakat Murut mencerminkan kebahagiaan dan kegembiraan yang dinikmati oleh mereka. Waktu menuai padi dan hasil tanaman yang lain menjadi saat yang dinanti-nantikan. Pelbagai persiapan yang telah dilakukan baik dari segi fizikal mahupun rohani. Adat dan budaya benar-benar dipelihara dalam aktiviti menuai. Percakapan yang baik perlu dijaga, pakaian yang kemas perlu dipakai dan persiapan keluar rumah perlu dengan hati-hati. Semua hal dilakukan dengan teliti sehingga proses menuai selesai. Pesta menuai yang menjadi kemuncak kepada proses ini telah disempurnakan dengan acara keramaian. Masing-masing memakai pakaian tradisional masing-masing dengan wanita memakai pakaian hitam disulam dengan warna emas, begitu juga dengan lelaki yang memakai pakaian tradisi melambangkan kegagahan mereka. Acara tarian dilakukan seperti *lansaran* dan *mansayau*. Pelbagai permainan dimainkan baik yang dewasa ataupun kanak-kanak. Hidangan makanan tradisi juga dihidangkan untuk santapan semua anggota yang hadir. Nilai seni tari, seni rupa, seni muzik, seni makanan dan seni persembahan benar-benar dipelihara dalam tradisi masyarakat Murut dari generasi ke generasi yang seterusnya. Pesta yang diraikan juga sebagai bentuk penghormatan kepada alam sekitar yang telah memberikan sumber makanan kepada mereka.

KESIMPULAN

Aktiviti pertanian masyarakat Murut sangat mementingkan elemen alam sekitar. Sepanjang mereka menjalankan aktiviti pertanian, tidak terdapat catatan sejarah yang menunjukkan kemusnahan alam sekitar yang ketara berlaku. Kearifan tempatan yang dimiliki benar-benar memberikan gambaran positif dalam sistem yang dipraktikkan. Kaedah pertanian yang dipraktikkan telah membuahkan hasil yang lumayan kepada mereka. Pandangan masyarakat luar yang mengatakan bahawa aktiviti pertanian pindah yang dilakukan oleh masyarakat Murut akan menjejaskan alam sekitar adalah sangat tidak tepat. Masyarakat Murut merupakan komuniti yang arif tentang selok-belok alam sekitar kerana mereka telah lama berinteraksi dengan alam sekitar sehingga etika interaksi alam sekitar telah mereka ciptakan demi kepentingan komuniti dan alam sekitar itu sendiri. Pengenalan undang-undang pencerobohan hutan oleh Jabatan Perhutanan benar-benar telah menghadkan pergerakan dan aktiviti mereka sehingga hasil pencarian mereka terganggu. Larangan mengeluarkan hasil hutan termasuk pucuk paku telah merosakkan ekosistem masyarakat Murut itu sendiri. Oleh itu, pihak kerajaan perlu lebih mendekati masyarakat Murut agar mengetahui gerak kerja pertanian mereka dan sumbangan mereka dalam melestarikan ekosistem alam sekitar di Sabah.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Geran Penyelidikan Dana Khas Strategik (DKS2301-2023) yang telah membiayai kajian lapangan untuk pengumpulan data dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- A.S. Purwanto. (2020). Dimensi Adat dan Dinamika Komunitas Dayak di Kalimantan Timur. *Antropologi Indonesia*.
- Abdul Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Mohammad Marzuqi Abdul Rahim & Muhammad Akramin Kamaruzaman. (2016). Metod Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Penislaman Suku Kaum Masyarakat Murut di Pedalaman Sabah. *Jurnal Al-Hikman*, 8(2), 60-80.
- Abdul Hakim Mohad & Ros Aiza M. M. (2017). The Indivisible Nature of Religion and Culture: A Review on the Murut Tahol Community in Sabah (Agama dan budaya berpisah tiada: Tinjauan terhadap masyarakat Murut Tahol di Sabah). *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 5(2), 3-12.
- Achmadi, K. Dimyati, A. Absori Budiono. (2020). Cultural Implications of Dayak Tomun Indigenous Peoples in the Management Land Rights: A Case Study of Lamandau, Central Kalimantan, Indonesia. *Human. Soc. Sci. Rev.*, 8(4), 533.
- Awang Hasbol. (2011). *Kesultanan Melayu Brunei Abad ke-19, Politik dan Struktur Pentadbiran*. Brunei Darulssalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam.
- Barrick, Murray, Michael Mount & Judy Strauss. (1993). Conscientiousness and Performance of Sales Representatives: Test of the Mediating Effects of Goal Setting. *Journal of Applied Psychology*, 78(5), 715.
- British North Borneo Herald, 1st March 1885, hlm. 5.
- Che Mat. (2008). *Ujian Psikologi dan Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Hoyrup S. (2010). Employee-driven innovation and workplace learning: Basic Concept, Approaches and Themes'. Transfer: *European Review of Labour and Research*, 16(2), 143–154.
- Islam, M. S., Sujana, M. S.H., Tasnim, R., Ferdous, M. Z., Masud, J. H. B., Kundu, S., Mosaddek, A. S. Md., and Griffiths, M. D. (2020). Problematic Internet Use Among Young and Adult Population in Bangladesh: Correlates with lifestyle and online activities during the COVID19 pandemic. *Addictive Behaviors Reports*, 12.
- J. P. Anna Sanders, M.R. Ford, J.R. Keenan, A.M. Larson. (2020). Learning through practice? Learning from the REDD+ demonstration project, Kalimantan forests and climate partnership (KFCP) in Indonesia. *Land Use Pol.*, 91, 3.
- J.R. Welch, C.E.A. Coimbra Jr. 2019. Indigenous Fire Ecologies, Restoration, and Territorial Sovereignty in the Brazilian Cerrado: the case of two Xavante reserves. *Land Use Pol.* 1 -11.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), (2023). Adat Resam dan Budaya Kaum Murut Adat Kematian. Accessed on 23 August 2023. <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/culture/dis/403>.
- Jayum Jawan. 1991. Political Change and Economic Development among the Ibans of Sarawak, *East Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. United Kingdom. University of Hull.
- Kroeber, A. L., & Kluckhohn, C. (1952). Culture: a critical review of concepts and definitions. *Papers. Peabody Museum of Archaeology & Ethnology, Harvard University*, 47(1), 223.
- M. Lubis., (1980). Bangsa Indonesia. Jakarta: Yayasan Idayu.
- M., R. Islam, A.H. Wahad, L.A. Anggum., (2020). The Influence of Leadership Quality Towards Community Cohesion in Iban Community in Malaysia. *Heliyon*, 6.
- M.B. Miles, A.M. Huberman. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook. Second ed.*.
- Matsumoto, D. (1996). *Culture and Spikology*. California: Brooks/Cole Publishing.
- P., R. M. Sareb, L. Lomon Dinar (2015). Jenderal Berbelas Rasa: Dari Anik Dengar untuk Kejayaan Dayak. *Lembaga Literasi Dayak*, Jakarta.
- S. Widoyosiswoyo, A. Vidiyanti. (2004). Limo Budaya Dasar. *Edisi Revisi*. Cet. 5 (Ed. rev.) Ghalia Indonesia, Jakarta.
- Saint J, S. (1974). *Life in the forest of the far east. Volume I*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tyson, A. D. (2010). *Decentralization and Adat Revivalism in Indonesia-the Politics of Becoming Indigenous*. Routledge. Taylor & Francis Group.